

Pasport vaksin sebagai dokumen terima suntikan

Kuala Lumpur: Kerajaan berhasrat mengeluarkan pasport vaksin sebagai dokumen pengesahan bagi individu yang sudah menerima suntikan vaksin COVID-19.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata perkara itu diperhalusi Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

"Ketika ini, kita cadangkan dua kaedah, iaitu dipaparkan (terima suntikan) pada aplikasi MySejahtera.

"Kaedah kedua ialah dokumen secara fizikal, iaitu dalam bentuk pasport yang boleh diterima negara lain," katanya pada sidang media selepas majlis penyerahan vaksin Pfizer-BioNTech di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), semalam.

Yang turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Ka Siong pula berkata, Malaysia sedang memuktamadkan urusan penggunaan dokumen vaksin bagi membolehkan individu yang tiba di lapangan terbang dan mempunyai rekod vaksinasi tidak perlu dikuarantin.

Beliau berkata, perbincangan ke arah itu sudah dimulakan bersama KKM dan MOSTI.

"Kita sudah berbincang bahawa

kita perlukan dokumen bagi mereka yang sudah menerima vaksin. Ini sama yang berlaku di Singapura, mereka sudah berjumpa saya untuk menentukan sama ada kita boleh membuat perakuan bersama.

"Hal ini sudah kita bincangkan menerusi Wisma Putra supaya dapat menerima satu dokumen yang boleh diterima negara serantau. Rundingan sedang berjalan dan kita akan buat tindakan susulan," katanya pada sidang media sama.

Dokumen itu, katanya, berupaya menghidupkan kembali sektor penerbangan di Malaysia dan serantau yang sebelum ini terjejas teruk susulan sekatan penerbangan keluar masuk disebabkan penularan pandemik COVID-19.

Sementara itu, Khairy berkata, kerajaan memberi jaminan tidak menahan warga asing tidak berdokumen yang tampil menjadi penerima vaksin COVID-19.

Beliau berkata, pembabitan warga asing tidak berdokumen sebagai penerima vaksin penting dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, khususnya memastikan Malaysia mencapai perlindungan imuniti kelompok.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan akan mendapatkan bantuan badan antarabangsa, organisasi masyarakat sivil dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi sampaikan mesej itu kepada warga asing tidak berdokumen di negara ini.